



SHAHRIL Yusof (tiga dari kiri) ménandatangi perjanjian bersama John Hevans (tiga dari kanan) dalam perjanjian surat hasrat UMS dengan Universiti St. Stephen, Kanada bagi menjalinkan kerjasama dalam kajian seni dan budaya di Kota Kinabalu, semalam.

# UMS, Universiti St. Stephen jalin kerjasama seni, budaya

UM 28.11.2013 26

KOTA KINABALU 27 Nov. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) meterai perjanjian surat hasrat dengan Universiti St. Stephen, Kanada bagi menjalinkan kerjasama dalam kajian seni dan budaya.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Shahril Yusof dan Ahli Lembaga Gabenor Universiti St. Stephen, John Hevans.

Yang turut hadir, Dekan Sekolah

Sains Sosial, Prof. Madya Inon Shaharuddin Abdul Rahman.

Menurut Hevans, potensi yang ada di negeri ini dalam bidang seni dan budaya membuatkan pihaknya membuat keputusan untuk menjalinkan kerjasama itu.

Katanya, kerjasama tersebut akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan mampu mencipta satu persefahaman silang budaya antara pelajar di kedua-dua buah universiti berkenaan.

"Saya sudah datang ke UMS sejak 2003 bagi membincangkan hasrat kami dalam kerjasama yang ingin dijalankan. Pada 2009 saya telah meninjau keadaan di kawasan luar bandar seperti Keningau dan Tambunan untuk mengetahui budaya cara hidup masyarakat di situ," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Inon Shaharuddin berharap kerjasama itu akan memberi kesan positif pada masa akan datang.